

# Shakir Juanda rehat samb atur langkah selanjutnya

► **ERVINA MOHD JAMIL**  
ervinamj@sph.com.sg

BELIAU baru sahaja membawa pulang pingat emas setelah merebut semula takhta juara dunia dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-17 di Bali minggu lalu.

Kini, Muhammad Shakir Juanda, 28 tahun, sudah mula memikirkan sasaran bagi pertandingan besar seterusnya, iaitu Sukan SEA di Malaysia tahun depan.

Apabila dihubungi *Berita Harian* semalam, Shakir, yang sedang berehat bersama keluarga, berkata beliau akan menghabiskan masa seminggu ini bersama mereka sebelum sambung berlatih.

Menurut Shakir, beliau banyak menghabiskan masa menjalani latihan intensif bagi kejohanan di Bali tersebut selama empat bulan lalu, sehingga hampir tiada masa mendampingi keluarga.

"Saya dah banyak mengorbankan masa buat latihan bagi pertandingan itu, jadi sekarang ini saya ingin meluangkan masa berkualiti dengan keluarga," ujarnya, yang merancang membawa isteri dan anaknya bercuti ke negara jiran sebelum mula berlatih.

Selain itu, beliau dan pesilat lain yang menyertai kejohanan di Bali itu telah bertemu malam tadi untuk membincangkan rancangan mereka bagi dua tahun mendatang.

Ditanya sama ada beliau sudah cukup rehat sejak pulang ke tanah air Jumaat lalu, bapa seorang anak lelaki yang berumur 14 bulan itu tertawa sambil berkata:

"Bolehlah... Rehat daripada latihan buat sementara ini tetapi tiada rehat daripada tanggungjawab sebagai seorang ayah."

Kepulauan Shakir serta anggota pasukan silat Singapura yang lain itu bukan sahaja disambut meriah oleh Menteri Sekitaran dan Sumber Air Masagos Zulkifli Masagos Mohamad Jumaat lalu.

Malah, bagi Shakir, ketibaannya di Lapangan Terbang Changi turut disambut sorakan padu lebih 20 anggota keluarganya.

Ibarat satu tradisi tatkala pulang ke tanah air selepas pertandingan,

mereka sekeluarga turut menjelajahi restoran Mak's Place Changi Road.

Menurut Shakir, keluarga asalnya memintanya berkongsi pengalaman bertanding di Bali dan bergilir-gilir menyerahkan pingat emas yang baru diraih itu.

"Tapi sebelum Shakir pakai pingat itu di leher nenek, nenek dah mula menangis. Dia menangis kerana bersyukur Shakir selamat dan tidak cedera dalam pertandingan itu. Dan apabila Shakir lang dengan pingat emas ini, nenek bangga sekali," ujarnya.

Semasa hujung minggu pulak beliau sibuk menghadiri lima majlis perkahwinan saudaranya.

Apabila bertemu dengan beberapa saudaranya di majlis itu, Shakir sekali lagi diminta menceritakan pengalamannya di Bali.

Meskipun terpaksa mengulangi cerita yang sama beberapa kali, beliau tidak rasa penat.

Sebaliknya, beliau terdorong dek minat yang mereka tunjukkan kepadanya.

"Saya harus beri peluang kepada mereka kerana mereka juga penyokong saya."

"Reaksi mereka amat menggalakkan bagi saya dan saya happy dengan pengalaman saya ini dapat sed sebanyak memberi mereka semangat menyertai silat atau selancar-kurangnya mengamalkan gaya hidup sihat," katanya.

Malah, di satu majlis jempu kelmarin, Shakir juga menghadirkan pasangan mempelai satu pertandingan silat pengantin secara spontan selepas juara dunia kali kedua itu digesa jempuan dan diraikan.

Shakir, yang tewas dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-16 di Phuket, Thailand, berjaya membawa pulang pingat emas kali kedua selepas menang di Bali tahun ini.

Beliau juga pernah muncul juara dunia dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-15 di Chiang Mai, Thailand, pada 2012.

Selain Shakir, 'Sheik Farid' Sheikh Alau'ddin membawa pulang pingat emas Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-17 di Bali tahun ini.



AYAAN: Shakir bersama isteri Nur Shafiqah Ghazali dan anak mereka, Muhammad Sirhan Ardhani Muhammad Shakir, merayakan kejayaannya sebagai juara dunia dalam kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-17 di Bali minggu lalu. - Foto ZAINAL YAHYA

## Selepas emas silat, Shakir kini timang si kecil pula



Foto ZAINAL YAHYA

BELIAU baru sahaja pulih daripada mengalami kecederaan lutut serius berpanjangan dan menjalani pembedahan buku lali kanan demi mengeluarkan beberapa serpihan tulang yang menyebabkan kesakitan apabila membuat tendangan.

Namun, Muhammad Shakir Juanda berjaya bangkit semula dengan lebih 'bertaring' apabila beliau muncul juara dunia dan membawa pulang pingat emas Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-17 di Bali

li minggu lalu.

Sebelum beliau kembali berlatih bagi pertandingan besar seterusnya iaitu Sukan SEA di Malaysia tahun depan, beliau ingin meluangkan masa di sisi keluarga tercinta, lebih-lebih lagi kerana telah banyak mengorbankan masa bagi latihan intensif sepanjang empat bulan lalu.

Laporan lanjut di Muka 15.